

Mereka bertemu mata pertama kali sejak bertarung Presiden UMNO

UM 3 OCT 1987

KOTA BAHARU 2
Okt. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad dan Tengku Razaleigh Hamzah petang ini "bertemu mata" buat pertama kali sejak mereka bertarung merebut jawatan Presiden UMNO April lalu.

Pertemuan yang telah lama ditunggu - tunggu itu berlangsung pada pukul 4.30 petang di Pejabat UMNO negeri di sini.

Tengku Razaleigh sampai kira-kira setengah jam lebih awal dan terus masuk ke dalam dewan di mana akan berlangsung majlis perjumpaan pegawai - pegawai UMNO bahagian dengan Datuk Sri Dr. Mahathir.

Beliau duduk di barisan depan menunggu ketibaan Presiden Parti dan berbual mesra dengan ahli-ahli jawatankuasa bahagian - bahagian serta Setiausaha Agung, Datuk Sri Sanusi Junid yang turut berada di dewan itu.

Bila Perdana Menteri tiba, beliau berjalan terus ke hadapan Dewan untuk mengambil tempat bersama ketua - ketua bahagian. Bi-

la beliau menoleh ke kanan dan ternampak Tengku Razaleigh yang sudahpun bangun memberi hormat. Datuk Sri Dr. Mahathir berpatah balik dan bersalam dengan Tengku Razaleigh. Ahli - ahli bertepuk.

Sambil tersenyum Tengku Razaleigh berkata kepada Datuk Sri Dr. Mahathir: "Welcome to Kelantan."

Datuk Sri Dr. Mahathir tersenyum lebar dan bersalam dengan ahli-ahli UM-

NO yang lain.

Kemudian beliau dan ketua - ketua bahagian berjalan ke hadapan Dewan untuk mengambil tempat. Walaupun cuma seorang ketua bahagian, Tengku Razaleigh dipersilakan duduk di sebelah kiri Datuk Sri Dr. Mahathir. Di

sebelah kanan Perdana Menteri ialah Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan, Datuk Haji Mohamad Yaacob.